

Julai-September

2018



OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH



Tahniah

**YAB DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**

Di Atas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pembangunan Ekonomi
Sempena Majlis Konvokesyen Ke-22 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 2018

| Berita Utama

240 Students From 20 Sibu Schools Received Yayasan Sarawak Awards

| Artikel Khas

Seramai 159,798 Orang Pelajar Terima Bantuan Biasiswa Yayasan Sarawak

| Info Korporat

Warga Yayasan Sarawak Sertai Business Excellence Best Practice Study Visit To Johor Bahru

| Info Pendidikan

Yayasan Sarawak Kuala Lumpur Anjur Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak Siri 2/2018

| Taska Tadika Yayasanku Sayang

Ramah Tamah GawaiRaya Di Taska Tadika Yayasanku Sayang Meriah

KANDUNGAN

- 2** Dari Meja Pengarah
3 Dari Meja Ketua Editor

Berita Utama

- 4** 1,432 Pelajar Terima Hadiah Yayasan Sarawak: Kerajaan Negeri Ikrar Lahirkan Ramai Intelektual
5 240 Students From 20 Sibu Schools Received Yayasan Sarawak Awards
6 Lan Berambeh London 2018
7 RM31 Juta Baiki Prasarana Di Sungai Asap
8 Pelajar Perlu Berani Menerokai Bidang Baharu: Abg Johari

Artikel Khas

- 10** Seramai 159,798 Orang Pelajar Terima Bantuan Biasiswa Yayasan Sarawak
10 Aplikasi Pelajar Permudah Penerima Pinjaman Dan Biasiswa

Info Korporat

- 11** Kerja-Kerja Pembinaan CENTEXS Lundu Dimulakan
12 Kunjungan Hormat Daripada ICATS, TCS, SIDMA & SATT
12 Mesyuarat Program Perubatan UNIMAS
13 Warga Yayasan Sarawak Sertai Business Excellence Best Practice Study Visit To Johor Bahru
13 SMK Lutong Adakan Lawatan Sambil Belajar Ke Yayasan Sarawak
14 Yayasan Sarawak Puteri Dang Balai Rangkul Gelaran Raja Sungai Batang Kayan 2018

Info Pendidikan

- 15** Data Pelajar Penajaan Biasiswa Pendidikan Yayasan Sarawak
16 Data Pelajar Pembiayaan Pendidikan Yayasan Sarawak
17 Sekolah Daif Di Lawas Terus Dibantu
18 Kerajaan Ambil Berat Soal Pendidikan
19 Kerajaan Mahu Aspek Pendidikan Anak Tempatan Terpelihara
20 Jasa Yayasan Sarawak Besar Dalam Lahirkan Cerdik Pandai Di Sarawak - Jamilah
20 Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak 2018 Zon Kedup
21 Pendidikan, Jamin Kemajuan Masa Depan Sarawak
21 Sesi Perjumpaan Dan Taklimat Tawaran Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal
22 Yayasan Sarawak Kuala Lumpur Anjur Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak Siri 2/2018
24 Yayasan Sarawak Dan Tabung Baitulmal Sarawak Melawat Pelajar Sarawak Di Indonesia
26 Bantuan Sumbangan Komputer Riba Kepada Pelajar Yayasan Sarawak Di Pusat PERMATApintar Negara

Taska Tadika Yayasanku Sayang

- 27** Ramah Tamah GawaiRaya Di Taska Tadika Yayasanku Sayang Meriah
27 Sambutan Hari Budaya Taska Tadika Yayasanku Sayang
28 Galeri Foto

Dari Meja **PENGARAH**

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

Bertemu kembali kita dalam Edisi OUTREACH kali ini (Edisi Julai-September 2018). Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang editorial dan wargakerja yang terlibat dalam penerbitan edisi OUTREACH pada kali ini dengan jayanya. Saya yakin pada edisi ini dapat memperlihatkan solidariti, komitmen, usaha, dan kegigihan dalam meneruskan legasi kegemilangan Yayasan Sarawak. Semoga ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan rasa cinta kepada organisasi khususnya dan rakyat Sarawak amnya.

Sepanjang bulan Julai hingga September 2018, terdapat banyak program dan inisiatif yang lebih strategik telah dirangka dalam memenuhi ekspektasi rakyat, organisasi serta pihak-pihak berkepentingan. Fokus kita tidak hanya tertumpu pada pembangunan pendidikan di kawasan bandar, malah di kawasan luar bandar dan pedalaman secara keseluruhannya. Selaras dengan hasrat dan tujuan utama penubuhan dalam menjadi pemangkin pembangunan pendidikan, Yayasan Sarawak telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang yang diadakan di beberapa buah institusi pengajian iaitu Swinburne University (Kuching), Curtin University (Miri) dan di University College of Technology Sarawak (UCTS) Sibu. Ini merupakan pendekatan yang kita gunakan untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar SPM dan STPM khususnya yang telah menunjukkan prestasi terbaik dalam peperiksaan awam bagi memberikan motivasi dan sokongan kepada mereka.

Selain itu, antara projek terbesar yang baru dilaksanakan adalah kerja-kerja pembinaan Centre of Technical Excellent Sarawak (CENTEXS) di Lundu yang telah dimulakan pada September lepas sepetimana yang telah diilhamkan oleh Allahyarham Tok Nan. Dengan berlandaskan objektif yang sama seperti penubuhannya di Santubong, Lawas dan Dalat, CENTEXS berperanan untuk memberikan peluang kepada golongan belia untuk mempelajari bidang kemahiran dalam aspek perindustrian selain menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Antara lain usaha yang telah kita laksanakan untuk mengangkat taraf pendidikan di Sarawak adalah melalui program-program bantuan seperti pengagihan baucar bantuan pakaian seragam bernilai RM200 ringgit seorang, program perkampungan pelajar Yayasan Sarawak di Semenanjung, pemberian geran kepada PIBG, usahasama dengan organisasi dan banyak lagi program komuniti.

Yayasan Sarawak akan terus komited dalam melaksanakan aktiviti dan program yang menyumbang ke arah pembangunan pendidikan dan modal insan yang berkualiti di Sarawak selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Yayasan Sarawak di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri merangkap Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sarawak serta sokongan daripada Kerajaan Negeri.

Saya berharap dalam penerbitan OUTREACH pada kali ini dapat menyampaikan mesej yang lebih jelas kepada para pelanggan, badan-badan organisasi serta rakyat amnya tentang aktiviti-aktiviti, program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Yayasan Sarawak.

Semoga bertemu lagi pada edisi yang akan datang. Selamat membaca.

Sekian terima kasih.

Haji Azmi bin Haji Bujang

Pengarah Yayasan Sarawak

Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum W.B.T

Salam Ibu Pertwiku dan Salam Sejahtera,

Syukur alhamdulillah, kerana dengan limpah dan izin-Nya, edisi OUTREACH Julai-September 2018 telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Ini merupakan terbitan yang ke-4 bagi sesi 2017/2018. Terbitan pada kali ini memaparkan peranan mantap Yayasan Sarawak dalam melaksanakan program-program dan khidmat bantuan kepada komuniti. Dalam edisi ini juga kita telah memperlihatkan usahasama Yayasan Sarawak bagi membangunkan taraf pendidikan rakyat sesuai dengan objektif penubuhannya.

Kami berharap semoga intipati yang terdapat dalam edisi ini dapat menjadi wadah penggalak bagi kita semua untuk membina suatu rangkaian yang lebih erat antara Yayasan Sarawak dengan agensi-agensi awam dan swasta dalam mengukuhkan lagi pelaksanaan program pada masa akan datang tidak kira di dalam maupun luar negeri secara keseluruhannya. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh wargakerja yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan terbitan edisi kali ini. Saya mewakili sidang editorial yang lain ingin menyatakan penghargaan di atas sumbangan idea dan cadangan yang telah diberikan sepanjang tempoh penerbitan OUTREACH ini.

Sekian, terima kasih.

Suryani binti Abdul Hamid
Ketua Editor



Editorial Team

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

- Haji Azmi bin Haji Bujang
- Haji Mersal bin Abang Rosli
- Ellen @ Manium anak Engang

Ketua Editor

- Suryani binti Abdul Hamid

Editor

- Abdullah bin Abdul Gafor
- Siti Asfajarina binti Haji Salleh

Pereka Grafik / Bahan

- Ahmad Jumadi bin Sabang

Fotografi

- Ahmad Jumadi bin Sabang
- Andy Gray Simon
- A'isya Munirah Rafi
- Jeffery Undi Anthony
- Saiful Ashraf Sa'adi

Terbitan

Seksyen Komunikasi Korporat Yayasan Sarawak,
Wisma Adenan Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak

Tel: +60 82 440571

Faks: +60 82 440023

WhatsApp: +6017 700 1971 (ysCARE)

Laman Web: www.yayasansarawak.org.my

E-mel: ys@yayasansarawak.org.my

SEKALUNG BUDI

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan dalam bentuk artikel, foto dan idea serta ke atas mana-mana artikel yang dipetik daripada laman media sosial dan akhbar online.

Sebarang cadangan untuk penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke ysscorpcom@yayasansarawak.org.my.



1,432 Pelajar Terima Hadiah
Yayasan Sarawak:

KERAJAAN NEGERI IKRAR LAHIRKAN RAMAI INTELEKTUAL

SUMBER: Berita Harian

5 Ogos 2018 - Seramai 1,432 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), semalam, menerima hadiah daripada Yayasan Sarawak. Ketua Menteri merangkap pengurus Yayasan Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, menyampaikan hadiah itu pada Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak yang berlangsung di Swinburne University of Technology, Kampus Sarawak di sini, semalam.

Dalam ucapan beliau pada majlis itu, Abang Johari menegaskan kerajaan negeri menerusi Yayasan Sarawak akan terus memainkan peranannya bagi melahirkan rakyat Sarawak yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Beliau berkata, sejak ditubuhkan, Yayasan Sarawak melahirkan ramai golongan intelektual yang berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing dan terus bersedia membantu pelajar negeri ini melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Malah, katanya, kerajaan negeri sudah sekian lama melabur dalam bidang pendidikan, seperti menerusi penubuhan Swinburne University of Technology, Kampus Sarawak, Curtin University Kampus Miri dan Kolej Komuniti. "Adalah menjadi misi kerajaan negeri dan Yayasan Sarawak untuk melahirkan lebih ramai intelektual di kalangan rakyat Sarawak," katanya.

DISKAUN PINJAMAN

Sementara itu, Pengarah Yayasan Sarawak, Azmi Bujang, berkata walaupun bilangan pelajar cemerlang meningkat setiap tahun, Yayasan Sarawak tetap meneruskan komitmennya memberikan hadiah sebagai mengiktirafkan kejayaan pelajar.

Beliau berkata, Yayasan Sarawak juga memberi diskaun pinjaman kepada penuntut yang memperoleh keputusan kepujian kelas pertama peringkat sarjana muda dan sarjana, dengan peminjam hanya perlu membayar 25 peratus jumlah pinjaman.

Daripada seramai 1,432 penerima itu, seramai 1,135 adalah pelajar SPM tahun lalu, manakala selebihnya pelajar cemerlang STPM 2017. Pelajar cemerlang SPM masing-masing menerima RM500, manakala pelajar STPM menerima RM700 seorang. BERNAMA.



Pihak pengurusan sekolah serta para pelajar meraikan bersama kejayaan penerima.



YAB Ketua Menteri menyampaikan sijil kepada Pengetua Sekolah bagi mewakili penerima kategori SPM / STPM.



YAB Ketua Menteri terima hadiah Hari Jadi beliau daripada Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak.



Pictures of YAB Chief Minister with the recipients.



240 students from 20 Sibu schools received **YAYASAN SARAWAK AWARDS**

SOURCE: Borneo Post Online

SIBU, 26 August 2018 - A total of 240 recipients from 20 schools in Sibu division received Excellence Student Award from Yayasan Sarawak in a ceremony here yesterday. The foundation director Azmi Bujang said the recipients were from the 20 schools in this division.

"For Sibu, there are 206 recipients who excelled in SPM while there are 21 top students in STPM from 18 schools. As for Kanowit, there are eight recipients for SPM and five for STPM from two schools," he said in his welcoming speech at Yayasan Sarawak Excellent Students Prize Handing Ceremony 2018 for Sibu Division.

Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg officiated the event held at University College of Technology Sarawak (UCTS) campus here. He pointed out that the award presentation ceremony was carried out statewide. Azmi also disclosed that the application dateline for Tunku Abdul Rahman and Tun Taib scholarships had closed adding that a total of 2,112 applications were received. He also touched on the recently launched Yayasan Sarawak student apps which can be downloaded via smartphones.

Also present at the function were Minister of International Trade and E-Commerce Dato Sri Wong Soon Koh, Assistant Minister of Education and Technological Research Dr Annuar Rapae, Deputy State Secretary (Socio-Economic Transformation) Datu Mohamad Abu Bakar Marzuki and UCTS vice chancellor Prof Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid.



Sarawak students had the opportunity to record memories with CM Abang Jo.

LAN BERAMBEH LONDON 2018

BY: Haji Kasubi bin Haji Bakir

LONDON, 25 September 2018 - Lan Berambeh 2018 was held on Tuesday 25th September 2018 on the field (in the marquee) at Sarawak Foundation House, 105 Brondesbury Park, north west of London.

The yearly event was an effort to gather as many Sarawak students studying in and around the United Kingdom together with the Sarawak communities (diaspora) either living or working in or outside London.

The event started at 4.30pm with the arrival of students and guest followed by The Right Honourable Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Chief Minister of Sarawak and Datin Patinggi Dato Hajjah Juma'ani and other distinguished guests. The event started off with the welcome words from Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Director of Sarawak Foundation as the host for this year event. It was followed

by a speech by the RT. Honourable the Chief Minister which he touched on the role of students towards transforming Sarawak, the job opportunities, the rich natural resources of the state and the highlight was the Sarawak licensing right on oil and gas.

Among the Sarawakians in UK, others on hand to welcome the RT Honourable Chief Minister were the RT. Honourable Tan Sri Dr. James Masing, Deputy Chief Minister. The Honourable Dr Anuar Rapaei, Assistant Minister / Member of the State Legislative (ADUN) for Nangka constituency, his Honourable Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Haji Abdul Ghani, Sarawak State Secretary.

Officials from state governments, representatives from office of Malaysia High Commission London, education attached from JPA/PSD (Public Services Department), London and Director from MARA London.



The evening ended with discussion pertaining to the formation of the International Sarawak Students Association (ISSA) with the Honourable Dr. Anuar Rapaei.



Sarawakian having opportunity to mingle and having Informal session with the Chief Minister in a Sarawak spirit of "Segulai Sejalai - Sejinya Senada"



RM31 JUTA BAIKI PRASARANA DI SUNGAI ASAP

SUMBER: Utusan Borneo Online

BINTULU, 5 Julai 2018 - Kerajaan Sarawak meluluskan peruntukan RM31.3 juta bagi memperbaiki prasarana di Daerah Kecil Sungai Asap, Belaga.

Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata kerja-kerja ini termasuk membaiki sistem bekalan air ke setiap rumah di Penempatan Semula Bakun (BRS) yang menelan perbelanjaan RM15 juta, penaiktarafan jalan kebun fasa pertama RM9 juta, dan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Pekan Belaga dan Jalan Sungai Asap sebanyak RM7.3 juta.

"Kerajaan negeri turut meluluskan projek pembinaan Pejabat Daerah Kecil Sungai Asap yang akan bermula pembinaannya dalam masa terdekat ini," katanya berucap pada Majlis Penyerahan Geran Yayasan Sarawak kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah-Sekolah Daerah Sungai Asap di Dewan Seri Bakun, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bakun, di sini, hari ini.

Dalam lawatan kerja sehari itu, Abang Johari turut melawat ke tapak projek baharu Pejabat Daerah Kecil Sungai Asap, Gereja BEM Sungai Asap, sebelum meneruskan lawatan ke Loji Bekalan Air Sungai Asap dan Uma Lesung di Skim Penempatan Semula Bakun.

Dalam perkembangan berkaitan, turut diadakan taklimat berkaitan isu prasarana serta infrastruktur di skim penempatan terbabit dari agensi berkaitan termasuk Jabatan Tanah dan Survei dan Jabatan Kerja Raya, dan antara yang dibangkitkan ialah penambahbaikan sistem pembekalan air ke setiap isi rumah di Sungai Asap, dalam usaha meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan air bersih di kawasan terbabit.

Kualiti air bersih dan terawat di Penempatan Semula Bakun, terjejas teruk akibat pengurusan air yang tidak efisien dan tercemar, hingga menyebabkan penduduk adakalanya terpaksa menggunakan air tangki untuk keperluan harian.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Dr James Masing, Menteri Utiliti Sarawak Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom, Ahli Parlimen Hulu Rejang Datuk Wilson Ugak Kumbong, Menteri Muda Bekalan Air Sarawak Datuk Liwan Lagang dan ADUN Murum Kennedy Chukpai Ugon dan ADUN Pelagus, Wilson Nyabong Ijang.





YAB Ketua Menteri memberi ucapan kepada para pelajar dan tetamu yang hadir.

PELAJAR PERLU BERANI MENEROKAI BIDANG BAHARU: ABG JOHARI

SUMBER: Utusan Borneo Online

MIRI, 13 September 2018 - Pelajar di Sarawak perlu melihat ke hadapan dan berani untuk mengambil bidang baharu dalam pendidikan untuk perkembangan yang lebih maju dalam landskap ekonomi global. Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, pelajar seharusnya berani mencuba bidang pengajian strategik yang bukan sahaja merangkumi teknologi, malah berhubung kait kehendak pasaran dunia.

"Seperti di Sarawak sendiri, kita memerlukan lebih ramai pakar dalam pelbagai bidang termasuk bidang teknologi yang memerlukan pengaturcara atau penganalisis data dalam kita memperkembangkan ekonomi dan meningkatkan pengeluaran sumber kita di sini.

"Bukan kursus atau bidang lain tidak relevan, tetapi galakkan pelajar kita agar berani menceburi bidang lain sebagai tambahan kepada kursus seperti kejuruteraan, seni, perubatan dan undang-undang," jelasnya. Abang Johari berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Cemerlang Yayasan Sarawak Bahagian Miri 2018 di Curtin Malaysia di sini, petang semalam.

Malah, beliau turut menyarankan ibu bapa agar menggalakkan anak-anak mereka mempelajari bidang baharu untuk memastikan mereka bukan sahaja menjadi graduan yang berkualiti tetapi memenuhi kehendak pasaran. Kerajaan Sarawak melalui Yayasan Sarawak jelas Abang Johari, giat melabur dana untuk memberi biasiswa dan pinjaman kepada anak-anak Sarawak bagi mencapai usaha terbabit.


Menurut beliau yang juga pengurus Yayasan Sarawak, pihaknya juga telah menghantar 931 pelajar ke Curtin Malaysia sejak penubuhannya dan akan terus berbuat demikian. "Curtin Malaysia adalah antara institusi yang Yayasan Sarawak laburkan dana untuk membantu anak-anak Sarawak mendapatkan pendidikan sedemikian.

"Kadar penolakan untuk Yayasan Sarawak juga sangat rendah di mana jika pelajar mempunyai keputusan yang cemerlang, mereka akan mendapat biasiswa dan jika tidak, pelajar akan mendapat pinjaman daripada Yayasan Sarawak.

"Sekiranya pelajar tidak mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Yayasan Sarawak akan cuba membantu dan memberi pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi. Ini adalah komitmen Kerajaan Sarawak melalui Yayasan Sarawak," tambahnya.

Tambah Abang Johari, komitmen sedemikian adalah untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif dan berharap suatu masa nanti, Sarawak mampu menjadi seperti Estonia, negara Eropah Timur yang kecil namun 100 peratus berteknologi digital.

"Cara hidup di negara terbabit yang menjadi contoh untuk masa depan dan kita mahu Sarawak juga setanding negara lain yang maju menerusi digital," tambahnya. Terdahulu, Pengarah Yayasan Sarawak Azmi Bujang berkata, sejumlah 136 pelajar daripada 18 sekolah menengah di bahagian Miri menerima Sijil Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak berserta Sijil Simpanan Premium (SSP) Bank Simpanan Nasional (BSN). Jelasnya, pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima SSP bernilai RM500 dan RM700 bagi pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Daripada jumlah pelajar berkenaan, 126 adalah pelajar SPM manakala 10 pelajar STPM.



Pengetua sekolah yang mewakili para pelajar terima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang daripada YAB Ketua Menteri.

Pada majlis berkenaan, Yayasan Sarawak turut menyampaikan sumbangan geran kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk lima sekolah di Miri. Sekolah terbabit masing-masing menerima geran bernilai RM10,000 iaitu SMK Luar Bandar Miri, SMK Merbau, SMK Luak, SMK Long Lama Baram dan SMK Bekenu.

Hadir sama pada majlis petang semalam ialah Pro Canselor Curtin Malaysia Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan, Pro Naib Canselor, Presiden dan Ketua Eksekutif Curtin Malaysia Profesor Jim Mienczakowski, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan) Datu Dr Sabariah Putit, Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Sarawak Abang Mat Ali Abang Masagus, Ahli Parlimen Sibuti Lukanisman Awang Sauni, ADUN Piasau Datuk Sebastian Ting, ADUN Telang Usan Dennis Ngau, ADUN Lambir Ripin Lamat serta tetamu kehormat.



SERAMAI 159,798 ORANG PELAJAR TERIMA BANTUAN BIASISWA YAYASAN SARAWAK

SUMBER: TVS News

KUCHING, 13 Julai 2018 - Yayasan Sarawak telah memberi bantuan basiswa, pinjaman pendidikan serta bantuan kewangan kepada seramai 159,798 orang pelajar dari pelbagai peringkat termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, institut kemahiran teknikal serta institut pengajian tinggi seluruh Sarawak.

Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Dr Annuar Rapa'ee berkata, sejak tahun 2007 hingga tahun 2017, jumlah pelajar yang menerima bantuan termasuklah pelajar Dayak (11,103 orang) atau 41%, pelajar Melayu dan Melanau (11,944 orang) atau 45%, pelajar bukan Bumiputera (3,501) atau 13.18% dan jumlah semua sebanyak 26,548 orang.



Dr Annuar Rapa'ee ketika menjawab soalan daripada ADUN Samalaju Majang Anak Renggi berhubung jumlah pelajar yang telah menerima basiswa Yayasan Sarawak pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak di Kuching.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada ADUN Samalaju Majang Anak Renggi berhubung jumlah pelajar yang telah menerima basiswa Yayasan Sarawak pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak di Kuching. Tambah beliau yang juga Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam, bantuan tersebut diberikan kepada para pelajar yang dipilih berdasarkan prestasi akademik dan latar belakang sosio ekonomi.

APLIKASI PELAJAR PERMUDAH PENERIMA PINJAMAN DAN BIASISWA

SUMBER: Utusan Borneo Online



KUCHING, 5 Ogos 2018 - Yayasan Sarawak semalam melancarkan Aplikasi Pelajar sebagai satu lagi kemudahan kepada penerima pinjaman atau basiswa yayasan. Pengarah Yayasan Sarawak, Azmi Bujang berkata, dengan adanya aplikasi berkenaan para pelajar sama ada penerima basiswa atau pinjaman dapat mengetahui status permohonan atau bayaran pinjaman mereka.

"Hari ini (semalam) kita melancarkan Aplikasi Pelajar Yayasan Sarawak yang boleh dimuat naik daripada Playstore (Android) sementara iOS (Apple) boleh dimuat naik minggu hadapan. "Aplikasi ini amat istimewa yang dibangunkan oleh Yayasan Sarawak sendiri dan kami berterima kasih kepada bekas Pengarah Yayasan Sarawak, Datuk Abu Bakar Marzuki yang mengetui pasukan dalam membangunkan aplikasi ini," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada majlis penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak 2018 yang disempurnakan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Yayasan Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Dewan Serbaguna Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak di sini. Azmi berkata, aplikasi berkenaan memberi manfaat kepada pelajar untuk mengetahui status permohonan, status pinjaman, status pembayaran balik dan status baki bayaran pinjaman. Sehingga kini ujarnya, terdapat 24,977 pelajar yang menerima manfaat daripada skim pinjaman Yayasan Sarawak seluruh negeri, iaitu pelajar aktif sama ada memohon, membuat pinjaman atau membayar balik.

Kerja-Kerja Pembinaan **CENTEXS** Lundu Dimulakan

SUMBER: SarawakVoice



Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak memberi penerangan kepada YB Datuk Amar Haja Jamilah Haji Anu.



YB Datuk Amar Jamilah Anu menyempurnakan simbolik upacara pecah tanah CENTEXS Kampus Lundu.



Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kontrak Pembinaan kepada kontraktor R&D Construction di tapak pembinaan CENTEXS.



Pihak kontraktor R&D Construction memberikan taklimat projek kepada Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang.

LUNDU, 15 September 2018 - Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) Kampus Lundu kini hampir menjadi kenyataan apabila berlangsungnya Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kontrak Pembinaan kepada kontraktor *R&D Construction* di tapak pembinaan CENTEXS semalam. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Datuk Amar Jamilah Haji Anu berkata, projek bernilai RM90 juta itu amat bermakna kepada dirinya dan seluruh penduduk Lundu kerana ia peninggalan legasi yang telah diusahakan oleh Allahyarham Tok Nan.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah Jamilah yang menambah, projek terkenaan telah dirasmikan oleh Tok Nan atau Tan Sri Adenan Satem pada majlis pecah tanah pada 5 Ogos 2015. "Ini merupakan pelaburan untuk masa depan anak-anak Lundu dan penduduk sekitar dan dianggarkan seramai 800 pelajar akan dapat menjalani kursus jangka pendek yang ditawarkan dalam masa setahun," katanya.

Projek ini juga kata Jamilah, akan menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan yang penting, kini kita harus menguar-uarkan peluang yang ditawarkan oleh CENTEXS untuk keselesaan dan kemajuan rakyat. Sarawak katanya, kini sedang dalam proses mengatur langkah untuk menjadi sebuah negeri digital, selain maju dari aspek perindustrian.

"Elemen yang penting dalam mencapai matlamat ini adalah penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mencukupi dan CENTEXS merupakan landasan terbaik bagi menampung lonjakan permintaan pekerja mahir dalam pelbagai bidang industri di negeri ini." Hadir sama Pengarah Yayasan Sarawak, Azmi Bujang dan Pengurus Cawangan CENTEXS Daerah Lundu, Mohd Hazizan Hakim serta Pegawai Daerah Lundu, Awang Putra Yusry Awang Redzuan. – Sarawak

Kunjungan Hormat daripada **ICATS, TCS, SIDMA & SATT**

OLEH: Jeffery Undi Anthony



WISMA ADENAN, 3 Ogos 2018 – Yayasan Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada International College of Advanced Technology Sarawak (ICATS), Technology College Sarawak (TCS), SIDMA College Sarawak dan SATT College bertempat di Bilik Alamanda, Wisma Adenan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan sendiri oleh YBhg. Tuan Haji Azmi Bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak yang turut dihadiri pegawai-pegawai berkenaan daripada setiap kolej. Intipati mesyuarat adalah membincangkan dan mencapai kata putus berhubung beberapa perkara dalam bidang pendidikan khususnya berkaitan program dan bantuan yang disediakan oleh Yayasan Sarawak. Turut hadir ke mesyuarat Timbalan Pengarah Khidmat Bantuan Pendidikan, Encik Ellen @ Manium Anak Engang, Penolong Pengarah Seksyen Pembiayaan Pendidikan, Penolong Pengarah Seksyen Bayaran Balik, Puan Haznetta Sarenau Howell, Encik Yantiska Bin Mahmud, Penolong Pengarah Seksyen Biasiswa dan Puan Ratnasari Binti Mansor.

MESYUARAT BIASISWA PROGRAM PERUBATAN UNIMAS

OLEH: Jeffery Undi Anthony

WISMA ADENAN, 6 Ogos 2018 – Beberapa orang pegawai dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menghadiri mesyuarat bagi penajaan Biasiswa Kerajaan Negeri untuk Program Perubatan UNIMAS bertempat di Bilik Mesyuarat Alamanda, Wisma Adenan.

Tujuan mesyuarat adalah bertujuan untuk menentukan kriteria biasiswa, khusus bagi pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Program Perubatan.

Setiap tahun seramai 40 orang pelajar akan dipilih untuk mendapatkan biasiswa tersebut sebagai usaha untuk meningkatkan bilangan doktor perubatan di Sarawak. Skop bantuan merangkumi yuran pengajian, kos sara hidup, pengangkutan, penginapan, bantuan buku, elauan perkakasan, elauan kertas dan projek.



Warga Yayasan Sarawak Sertai **BUSINESS EXCELLENCE BEST PRACTICE STUDY VISIT TO JOHOR BAHRU**

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang



Ketibaan 18 orang peserta Sarawak di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.



Gambar kenangan semasa lawatan ke STMicroelectronics Sdn Bhd.



Jefri Fadillah

JOHOR BAHRU, 28-30 September 2018 – Rombongan peserta termasuk 2 wakil daripada Yayasan Sarawak yang menyertai Program "Business Excellence Best Practice Study Visit to Johor Bahru 25-28 September 2018" telah mengadakan lawatan ke Johor Port Berhad. Pengalaman melaksanakan Business Excellence Johor Port Berhad telah menjadi 'eye-opener' kepada para peserta dengan pelbagai anugerah yang perolehi.



Hasyim Baidawi

Lawatan diteruskan lagi ke New Star Food Sdn Bhd, Batu Pahat. Syarikat yang terkenal dengan jenama Snek-Ku dan dua produk keropok iaitu Tam-Tam & Mi-Mi ini telah berjaya mengaplikasikan konsep Business Excellence sehingga telah mengekspor produk mereka ke negara Asia Tengah, Amerika Syarikat & Asia Tenggara. Lawatan ke STMicroelectronics Sdn Bhd, Muar, peserta didedahkan dengan Inisiatif Lean yang dijalankan di syarikat yang telah mendapat pengiktaranan dari luar dan dalam negara. Terbaharu, syarikat ini membentangkan projek Lean di

Anugerah Lean & Star Award, Scotland. Wakil Yayasan Sarawak, Hasyim Baidawi berpendapat program ini amat baik kerana dapat memberi pendedahan bagaimana sebuah organisasi cemerlang seperti Johor Port dan NSF dapat memantapkan modal insannya yang menjadi tonggak utama sebuah organisasi dengan nilai-nilai yang telah ditetapkan dalam core values organisasi mereka. Di samping itu, study visit ini juga membolehkan peserta mempelajari kaedah-kaedah yang digunakan untuk meningkatkan prestasi organisasi.

Jefri Fadillah, seorang lagi wakil Yayasan Sarawak, merasakan program ini mampu menjadikan pemangkin dalam menghasilkan produktiviti dan inovasi yang dapat diadaptasi di dalam sesebuah organisasi sekiranya kaitangan mempunyai Core Values and Core Beliefs (Filosofi) terhadap visi organisasi seperti di Johor Port dan STMicroelectronic.

SMK LUTONG ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE YAYASAN SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang



Para pelajar dan guru merakamkan gambar kenangan di pintu utama Wisma Adenan.

WISMA ADENAN, 20 Ogos 2018 - Bersempena dengan cuti sekolah, para guru dan pelajar daripada SMK Lutong telah mengambil kesempatan ini untuk mengadakan Lawatan ke Bandaraya Kuching bermula daripada 18 hingga 21 Ogos 2018. Salah satu destinasi lawatan mereka adalah Lawatan Sambil Belajar ke Yayasan Sarawak di Wisma Adenan, Kuching. Seramai 36 orang pengawas sekolah dan 10 orang guru pengiring telah diberi taklimat daripada Seksyen Program dan Bantuan berkaitan program dan bantuan pendidikan yang terdapat di Yayasan Sarawak. Maklumat-maklumat tersebut akan membolehkan mereka untuk membuat sebarang persediaan apabila melangkah ke alam menara gading nanti.



YAYASAN SARAWAK PUTERI DANG BALAI RANGKUL GELARAN RAJA SUNGAI BATANG KAYAN 2018

SUMBER: Utusan Borneo

LUNDU, 25 SEPTEMBER 2018 - Pasukan Yayasan Sarawak Puteri Dang Balai merangkul gelaran Raja Sungai Batang Kayan 2018 pada acara perlumbaan Regata Batang Kayan sempena Pesta Lundu 2018.

Pasukan yang terdiri daripada 30 orang pekayuh bagi kategori bidar lelaki itu menewaskan pasukan Buraq Terbang dari Kampung Stunggang Melayu Lundu pada acara kemuncak Ahad lalu.

Hadiyah disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Datuk Amar Jamilah Anu pada majlis penangguhan pesta tersebut di Tebingan Lundu.

Dalam pada itu, Jamilah menyatakan rasa gembira dengan semangat yang ditunjukkan oleh para peserta serta sokongan masyarakat terutamanya warga Lundu kepada penganjuran pesta tersebut. Katanya, tahun depan Pesta Lundu bakal dianjurkan lebih meriah dengan satu lagi acara iaitu 'Jom Ngail' peringkat antarabangsa diadakan di Sematan. "Terima kasih kepada pengunjung sama ada dari sekitar Lundu maupun luar Lundu yang telah memberi sokongan serta menjayakan pesta ini.

"Sokongan anda adalah penting mempromosikan dan memajukan kawasan Lundu sebagai destinasi menarik bagi aktiviti pelancongan," katanya. Pesta Lundu 2018 berlangsung pada 21 hingga 23 September lalu dan dikunjungi sekitar 50,000 pengunjung sepanjang tiga penganjurannya.

Selain acara Regata Batang Kayan, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan seperti perarakan perahu berhias, pameran dan jualan pelbagai produk makanan dan minuman oleh usahawan tempatan, pertandingan Street Soccer, Dart, Muaythai, Mewarna dan banyak lagi.

DATA PELAJAR PENAJAAN BIASISWA PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK
(JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2018)

BIL	SKIM	BERDASARKAN SKIM PENAJAAN					JUMLAH
		Sekolah	Sijil / Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD / Profesional	
1	Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib	-	-	106	26	23	110
2	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	-	-	148	26	23	197
3	Biasiswa Kerajaan Negeri Program Perubatan UNIMAS	-	-	40	-	-	40
4	Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak	4879	-	-	-	-	4879
5	Skim Pendahuluan Pelajaran dan Teknikal	-		1808	-	-	1808
Jumlah Keseluruhan		4879		2102	28	25	7034

BIL	INSTITUSI	BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI					JUMLAH
		Sekolah	Sijil / Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD / Profesional	
1	Institusi Pengajian Tinggi Awam	-	-	173	23	22	218
2	Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	-	-	40	-	1	41
3	Curtin University Malaysia	-	-	43	-	1	44
4	University College of Technology Sarawak	-	-	26	-	-	26
5	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	-	-	11	-	-	11
6	Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara	-	-	1	3	3	7
Jumlah Keseluruhan		-	-	294	26	27	347

BIL	BIDANG PENGAJIAN	MASTER	PhD	JUMLAH
1	Aquatic	1	-	1
2	Biochemistry	-	3	3
3	Bioinformatics	1	-	1
4	Chemistry	1	-	1
5	Data Analytics	-	2	2
6	Electrical	1	-	1
7	Geology	1	-	1
8	Horticulture	-	1	1
9	Mechanical	-	1	1
10	Mechatronics	-	1	1
11	Petroleum	-	1	1
12	Sciences	1	-	1
13	Software Engineering	-	1	1
JUMLAH KESELURUHAN		6	10	16

BIL	BAHAGIAN / KAWASAN ASAL	JUMLAH
1	KUCHING	382
2	SAMARAHAN	453
3	SERIAN	299
4	SRI AMAN	186
5	BETONG	625
6	SARIKEI	422
7	SIBU	1097
8	KAPIT	208
9	MUKAH	334
10	BINTULU	205
11	MIRI	413
12	LIMBANG	255
13	LUAR SARAWAK	-
JUMLAH KESELURUHAN		4879

DATA PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK (JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2018)

BIL	SKIM	BERDASARKAN SKIM PENAJAAN						JUMLAH
		Sijil	Asasi	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
1	Biasiswa Pinjaman Pelajaran Dalam Negara	2	51	70	280	21	3	427
2	Pinjaman Pelajaran Luar Negara	-	-	-	29	12	2	43
3	Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal	303	-	-	-	-	-	303
4	Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED)	-	15	-	68	-	-	80
Jumlah Keseluruhan		305	66	70	374	33	5	853

BIL	INSTITUSI	BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI						JUMLAH
		Sijil	Asasi	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
1	Institusi Pengajian Tinggi Awam	-	-	39	172	16	3	230
2	Politeknik	-	-	23	-	-	-	23
3	Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	-	41	-	55	5	-	101
4	Curtin University Malaysia	-	22	-	30	-	-	52
5	University College of Technology Sarawak	-	3	-	57	-	-	60
6	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	2	-	8	31	-	-	41
7	Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara	-	-	-	29	12	2	43
8	Institusi Latihan Kemahiran / Teknikal	303	-	-	-	-	-	303
Jumlah Keseluruhan		305	66	70	374	33	5	853

BIL	BIDANG PENGAJIAN	PINJAMAN DALAM NEGARA	PINJAMAN LUAR NEGARA	PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL	TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED)	JUMLAH
1	Sastera dan Kemanusiaan	56	11	-	-	67
2	Perniagaan dan Pengurusan	163	7	-	-	170
3	Kejuruteraan dan Teknologi	142	5	-	80	227
4	Sains Hayat dan Perubatan	25	11	-	-	36
5	Sains Persekitaran	16	2	-	-	18
6	Sains Sosial	25	7	-	-	32
7	Teknikal / Kemahiran (Sub-Profesional)	-	-	303	-	303
JUMLAH KESELURUHAN		427	43	303	80	853

BIL	BAHAGIAN/ KAWASAN ASAL	PINJAMAN DALAM NEGARA	PINJAMAN LUAR NEGARA	PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL	TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED)	JUMLAH
1	KUCHING	251	26	77	36	390
2	SAMARAHAN	36	1	35	3	75
3	SERIAN	5	1	10	-	16
4	SRI AMAN	4	-	5	1	10
5	BETONG	7	1	9	-	17
6	SARIKEI	8	1	3	2	14
7	SIBU	24	1	16	6	47
8	KAPIT	4	1	11	-	16
9	MUKAH	9	1	38	2	50
10	BINTULU	12	3	18	5	38
11	MIRI	57	2	34	22	115
12	LIMBANG	4	2	45	2	53
13	LUAR SARAWAK	6	3	2	1	12
JUMLAH KESELURUHAN		427	43	303	80	853

SEKOLAH DAIF DI LAWAS TERUS DIBANTU

SUMBER: Utusan Borneo Online

LAWAS, 5 September 2018 - Sekolah daif di sini terus dibantu melalui projek pembinaan dan baik pulih sekolah terbengkalai. Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata terdapat 31 sekolah daif di daerah Lawas merangkumi sekolah menengah dan sekolah rendah. Beliau berkata, terdapat lima projek pembinaan dan baik pulih sekolah terbengkalai di sini.

"Kerajaan Sarawak membantu menyediakan kemudahan asas seperti penyambungan bekalan elektrik melalui grid berhampiran dengan sekolah dan penyambungan bekalan air bersih melalui sistem retikulasi," katanya pada Majlis Penyerahan Baucar Pakaian Seragam Sekolah bagi daerah Lawas di sini kelmarin. Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan itu menjelaskan, isu membabitkan pendidikan di Sarawak tidak seharusnya dipolitikkan kepada pihak tertentu.

"Aspek pendidikan merupakan sesuatu yang penting dalam usaha mempersiap generasi muda dengan ilmu dan kemahiran untuk mereka berjaya pada masa depan," katanya. Jelasnya, isu pendidikan tidak harus dipolitikkan sebaliknya memastikan anak-anak negeri ini terus dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terbaik.

Beliau turut memuji usaha Yayasan Sarawak membantu ramai anak Sarawak melanjutkan pendidikan sehingga ke institusi pengajian tinggi melalui pelbagai inisiatif dan bantuan. Seramai 882 pelajar di bahagian Limbang menerima bantuan persekolahan tahun ini.

Daripada jumlah itu, seramai 428 orang dari 35 sekolah adalah dari daerah Lawas manakala selebihnya dari Limbang. Yayasan Sarawak turut menambah jumlah bantuan baucar daripada RM100 kepada RM200 seorang pelajar melalui peruntukan RM4 juta meliputi 19,000 pelajar sekolah. Turut hadir Ahli Parlimen Lawas Datuk Henry Sum Agong dan Residen Bahagian Limbang Ahmad Denney Fauzi.



Yayasan Sarawak turut mengagihkan geran sumbangan kepada PIBG Sekolah.



YB Datuk Amar Awang Tengah menyampaikan baucar pakaian seragam kepada Pengetua Sekolah yang mewakili penerima.



Bersama penerima baucar pakaian seragam daripada Sekolah Rendah.



Gambar kerangan bersama para penerima bantuan baucar pakaian seragam.

KERAJAAN AMBIL BERAT SOAL PENDIDIKAN

SUMBER: Utusan Borneo Online



LIMBANG, 15 September 2018 - Kerajaan negeri amat mengambil berat tentang pendidikan dan kebajikan anak-anak Sarawak terutama golongan kurang berkemampuan bagi memastikan mereka mendapat pendidikan sempurna.

Menteri Muda Pertanian Dr Abdul Rahman Ismail berkata, program baucar bantuan pakaian seragam yang dilaksanakan di Sarawak satu usaha berterusan dalam membantu golongan sasaran membeli pakaian seragam sekali gus meringankan beban mereka. Jelasnya dalam usaha membantu mereka, kerajaan negeri memutuskan menaikkan jumlah baucar daripada RM100 kepada RM200 dengan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi pelajar tahun satu dan tingkatan satu.

"Kita tidak mahu mendengar atau melihat anak-anak kita tidak dapat meneruskan persekolahan hanya semata-mata disebabkan tidak ada wang untuk membeli buku serta peralatan sekolah," ujarnya pada Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Pakaian Seragam Yayasan Sarawak 2018 di Dewan Bunga Raya di sini, semalam.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Limbang Hasbi Habibollah, wakil Pengarah Yayasan Sarawak Suryani Abdul Hamid, wakil Residen Bahagian Limbang Aspalela Shamuni dan Pegawai Pendidikan Daerah Matzinan Wahit.



ADUN Bukit Kota itu berkata, golongan yang dibantu merupakan mereka yang layak berdasarkan data e-Kasih, murid berkeperluan asas, murid-murid Penan serta mereka yang disahkan layak oleh kumpulan sasaran daerah. Justeru, beliau mahu semua vendor iaitu kedai-kedai pembekal pakaian seragam sekolah yang terlibat membekalkan kuantiti dan kualiti pakaian seragam yang mencerminkan nilai RM200 pada baucar yang diberikan pelajar.

"Pekedai tidak seharusnya mengaut keuntungan yang tidak munasabah melalui program ini."

"Adalah lebih baik ibu bapa memeriksa dahulu pakaian supaya setimpal dengan nilai baucar," ujarnya lagi. Tegas beliau lagi, kerajaan negeri terus menitikberatkan soal pembangunan pendidikan anak-anak negeri ini.

"Atas sebab itulah dan menyedari betapa pentingnya pendidikan sebagai asas atau pemangkin pembangunan modal insan, portfolio Menteri Pendidikan (Sains dan Penyelidikan Teknologi) diwujudkan dalam kabinet negeri diterajui Dato Sri Michael Manyin," tambahnya.

Dr Abdul Rahman berkata lagi, banyak institusi latihan kemahiran (swasta dan kerajaan) menyediakan pelbagai bentuk latihan kemahiran kepada anak-anak di Sarawak. "Jadi tidak ada sebab dan alasan kenapa anak-anak kita tidak boleh berjaya."

"Peluang sentiasa disediakan kerajaan negeri, jika akademik tidak memuaskan cubalah ceburi dan terokai bidang kemahiran dan teknikal," katanya lagi.



KERAJAAN MAHU ASPEK PENDIDIKAN ANAK TEMPATAN TERPELIHARA

SUMBER: Utusan Borneo Online



SRI AMAN, 28 September 2018 - Kerajaan Sarawak amat mengambil berat tentang soal pendidikan dan kebijakan bidang pendidikan anak tempatan. Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti Datuk Francis Harden Hollis berkata, kepimpinan di peringkat negeri tidak mahu mendengar atau melihat anak-anak tidak dapat meneruskan persekolahan semata-mata disebabkan tidak ada wang untuk membeli pakaian seragam sekolah atau buku serta peralatan persekolahan.

"Dalam usaha menangani isu-isu seperti ini, Kerajaan Sarawak telah memutuskan kadar baucar RM100 bagi setiap pelajar dinaikkan kepada RM200 dengan peruntukan RM4 juta bagi murid tahun satu dan pelajar tingkatan satu yang layak berdasarkan data e-Kasih, murid berkeperluan khas (OKU), murid Penan dan disahkan layak oleh Kumpulan Fokus Daerah," ujarnya. Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simanggang berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Pakaian Seragam Yayasan Sarawak di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saint Luke, dekat sini semalam. "Saya menyeru semua vendor iaitu kedai pembekal pakaian seragam sekolah yang terlibat supaya membekalkan kuantiti dan kualiti pakaian seragam yang mencerminkan nilai RM200 pada baucar yang diberi kepada pelajar. Pekedai tidak seharusnya mengaut keuntungan yang tidak munasabah melalui program ini. Adalah baik agar pihak ibu bapa memeriksa dahulu pakaian supaya setimpal dengan nilai baucar," jelasnya. Dalam pada itu beliau berkata, pendidikan adalah bidang kuasa kerajaan persekutuan tetapi ini tidak bermakna Kerajaan Sarawak boleh bersikap lepas tangan dalam soal pembangunan pendidikan anak-anak negeri. "Atas sebab itulah dan menyedari perpentingnya pendidikan sebagai asas atau pemangkin kepada pembangunan modal insan yang berkualiti, maka Kerajaan Sarawak amat mengambil berat sistem pendidikan di negeri ini," katanya.

Harden berkata, dalam konteks pembangunan pendidikan, tidak memadai jika peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan modal insan diletakkan di atas bahu guru dan sekolah sahaja. "Saya berpendapat jika kita bercakap tentang masyarakat pendidik pada generasi ini, skopnya telah menjadi lebih meluas dengan penglibatan bersama ibu bapa, komuniti dan pelajar itu sendiri. Inilah apa yang dipanggil sebagai konsep hibrid iaitu penglibatan bersama dan bersepada daripada pelbagai pihak bagi memastikan suatu usaha itu berjaya," tegas beliau.

"Apabila kita bercakap tentang kejayaan dalam pelajaran atau pendidikan, kita sebagai ibu bapa harus faham ada di kalangan anak-anak kita yang tidak begitu berjaya dalam akademik. Itu bukannya bererti mereka tidak mempunyai masa depan cerah atau mereka akan mengalami kesukaran untuk mencari pekerjaan apabila sudah tamat bersekolah kelak," tambahnya.

Oleh yang demikian katanya, di Sarawak telah ditubuhkan banyak institusi latihan kemahiran baik swasta atau kerajaan yang menyediakan pelbagai bentuk latihan kemahiran kepada anak-anak kita. Salah satunya adalah CENTEXS atau Centre For Technical Excellent Sarawak, di mana pelbagai latihan disediakan, ujarnya. "Jika anak-anak kita berminat dengan seni, kita sudah pun ada sekolah seni, jadi tidak ada sebab dan alasan kenapa anak-anak kita tidak boleh berjaya. Peluang sentiasa disediakan oleh Kerajaan Sarawak. Jika akademik mereka tidak memuaskan, cubalah ceburi atau terokai bidang kemahiran dan teknikal," ujarnya.

Hadir sama pada majlis berkenaan Pegawai Daerah Sri Aman Ismawie Salleh, ketua-ketua jabatan, guru-guru kanan serta para pelajar. Penyampaian bantuan berkenaan melibatkan 148 pelajar daripada 10 sekolah di daerah Sri Aman.

JASA YAYASAN SARAWAK BESAR DALAM LAHIRKAN CERDIK PANDAI DI SARAWAK

- JAMILAH

SUMBER: Sarawakvoice



Para pelajar dan pihak sekolah merakam kenangan bersama YB Datuk Jamilah Haji Anu.

LUNDU, 15 September 2018 - Selama 30 tahun, Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Yayasan Sarawak komited melahirkan golongan bijak pandai di negeri, termasuk Pengarah Yayasan Sarawak, Azmi Bujang. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Datuk Amar Jamilah Haji Anu ketika menjelaskan demikian berkata, beliau memahami perkara ini, kerana sentiasa dekat dengan Yayasan Sarawak yang membantu pelajar Sarawak dari pelbagai kaum dan latar belakang. "Bantuan yang diberi adalah dalam bentuk biasiswa, pinjaman ataupun peralatan sekolah dan geran," katanya pada Majlis Penyerahan PC YS – CAPS dan geran PIBG Yayasan Sarawak di Sekolah Kebangsaan Stunggang Melayu, semalam.

Katanya, pada tahun lepas, SMK Sematan telah memperoleh bantuan yang sama dan pada tahun ini, giliran SK Stunggang Melayu. "Kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Yayasan Sarawak yang memainkan peranan penting memberi pendedahan teknologi maklumat kepada pelajar kita," katanya. Jelasnya, apabila para pelajar ini mahir menggunakan komputer, secara tidak langsung ia akan memudahkan mereka dalam berkomunikasi, berniaga dalam talian, memproses dan menyimpan data serta memperoleh pelbagai maklumat dengan mudah, jika digunakan secara betul.

Pada majlis itu, sebanyak 10 unit komputer telah diserahkan untuk membantu pihak sekolah dalam mendidik serta mendedahkan para pelajar tentang penggunaan teknologi maklumat dan mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Majlis yang sama turut menyaksikan cek berjumlah RM5,000 juga diserahkan kepada PIBG SK Stunggang Melayu. "Gunakan geran ini sepenuhnya bukan setakat untuk baik pulih sekolah yang perlu tindakan segera, malah juga untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan," katanya. Turut hadir Pengarah Yayasan Sarawak, Azmi Bujang. –Sarawakvoice

MAJLIS PENYAMPAIAN BAUCAR BANTUAN PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH YAYASAN SARAWAK 2018 ZON KEDUP

OLEH: Ahmad Jumadi Sabang

SERIAN, 15 Ogos 2018 - Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Pakaian Sekolah Yayasan Sarawak bagi Kawasan Kedup telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Martin Ben, ADUN N.22 Kedup. Majlis tersebut yang telah diadakan di Dewan Taman Rekreasi Ranchan, Serian, menyaksikan murid yang layak daripada sekolah-sekolah di kawasan berkenaan telah menerima baucar bernilai RM200.00 seorang. Turut hadir wakil Pengarah Yayasan Sarawak, Encik Zamahari bin Haji Saidi, Pegawai Daerah Serian, Ketua-Ketua Jabatan serta Guru Besar.



Penerima bergambar kenangan bersama tetamu kenamaan.



Yang Berhormat Encik Martin Ben, ADUN N.22 Kedup hadir menyempurnakan majlis.



Para petugas dan sukarelawan yang menjayakan majlis.

PENDIDIKAN, JAMIN KEMAJUAN MASA DEPAN SARAWAK

SUMBER: Sarawakvoice



Penerima Bantuan Pakaian Seragam bergambar kenangan bersama tetamu kenamaan.

KUCHING, 29 September 2018 - Pendidikan adalah senjata utama boleh membentuk masa depan sekali gus menjadi kuasa mengubah nasib seseorang. Timbalan Ketua Cawangan PBB Satok, Ibrahim Baki berkata, pelajar harus ingat bahawa kejayaan adalah milik mereka yang sedia berkorban, berjuang dan memiliki azam untuk berjaya.

"Percayalah, tanpa pendidikan dan kejayaan akademik, pelajar gagal mengubah masa depan diri dan keluarga," katanya. Beliau berkata demikian sebagai mewakili Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak 2018 bagi Zon Satok. Seramai 350 pelajar daripada lapan sekolah menengah dan lima sekolah rendah hadir menerima Baucar Bantuan Pakaian Seragam Sekolah di Dewan Dato Hajjah Juma'ani, SK Rakyat Jalan Haji Bolhassan di sini hari ini.

Turut hadir wakil Pengarah Yayasan Sarawak, Zamahari Saidi yang Ketua Penolong Pengarah Bahagian Biasiswa. Tambah Ibrahim, untuk memastikan negeri ini tidak mundur dari aspek pendidikan, kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) menerusi Yayasan Sarawak memberi penekanan penuh kepada aspek pendidikan rakyatnya. "Kerajaan Sarawak memastikan semua rakyat mendapat peluang pendidikan sama rata tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka.

"Yayasan Sarawak dan Kerajaan Negeri malah akan sentiasa berpegang prinsip dan dasar, bahawa golongan sasar perlu dibantu," katanya sambil menambah, dasar itu turut dibuktikan melalui penubuhan Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi. Tambah Ibrahim lagi, kementerian ini diwujudkan untuk membantu Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah berkaitan pendidikan di negeri ini. –Sarawakvoice

SESI PERJUMPAAN DAN TAKLIMAT TAWARAN SKIM BIASISWA PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL

SUMBER: Sarawakvoice

BINTULU, 28 September 2018 – Yayasan Sarawak telah mengadakan sebuah sesi perjumpaan dan taklimat berkaitan dengan tawaran Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak bagi para pelatih untuk Tahap Asas Perancah (Scaffolding) anjuran SR Scaffold Resources Sdn Bhd yang bertempat di Institut Kemahiran MARA (IKM), Bintulu. Perjumpaan ini melibatkan lebih kurang seramai 63 orang pelatih bagi mendengar sesi taklimat biasiswa yang disampaikan oleh wakil dari Seksyen Pembiayaan Pendidikan

Yayasan Sarawak. Taklimat tajaan Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal adalah khusus bagi pelatih yang mengikuti program tersebut secara sepenuh masa bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi. Program yang berlangsung setengah hari ini banyak memberi maklumat yang bermanfaat kepada para pelatih berkaitan dengan syarat pinjaman serta tanggungjawab serta komitmen mereka untuk membayar balik pinjaman.



Sesi foto bersama pelatih kemahiran dan warga Yayasan Sarawak.



Salah seorang pelatih menerima Surat Tawaran dan dokumen perjanjian Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal daripada wakil Yayasan Sarawak.

Yayasan Sarawak Kuala Lumpur Anjur **PROGRAM PERKAMPUNGAN PELAJAR YAYASAN SARAWAK SIRI 2/2018**

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

KUALA LUMPUR: 26 Ogos 2018 - Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) telah menganjurkan Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak (PPPYS) Siri 2/2018 bertempat di premis YSKL@Ampang.

Program tersebut telah dihadiri seramai 40 orang pelajar tajaan Yayasan Sarawak di bawah Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak (BPPPYS) yang bersekolah di Pusat PERMATApintar Negara, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), MRSM dan Sekolah Sukan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pelbagai aktiviti yang telah dirangka serta dianjurkan oleh YSKL diketuai oleh Ketua Pegawai Pejabat Kuala Lumpur, Encik Muhamad Rahman bin Sallehin dan dibantu oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar YSKL, Puan Suhana binti Ahmad beserta para warga kerja YSKL yang lain.

Para pelajar telah berpeluang melawat Petrosains dan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mencanda minda serta berpeluang untuk memandu simulasi pemanduan F1 yang disediakan. Terdapat juga aktiviti-aktiviti yang mencakna minat pelajar kepada STEM.

Ceramah kesedaran mengenai kesihatan mental juga telah diberikan oleh penceramah yang dijemput khas iaitu Dr. Melissa Abdul Hadi, Pakar Psikatrik Hospital Ampang di mana beliau telah memberikan maklumat secara terperinci mengenai kesihatan mental serta masalah kemurungan di kalangan pelajar sekolah.


Pelajar juga berpeluang untuk beramah mesra bersama Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak, Datu Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki yang kebetulan berada di Kuala Lumpur dalam lawatan kerja beliau. Keesokan harinya pula, para pelajar berpeluang menghabiskan masa bersama Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang di mana beliau memberikan penerangan terperinci mengenai Yayasan Sarawak dan peluang-peluang serta skim-skim bantuan pelajaran yang ditawarkan oleh Yayasan Sarawak.



Dr. Melissa Abdul Hadi membuat aktiviti bersama pelajar.

Memandangkan tarikh Hari Raya Aidiladha jatuh pada musim cuti sekolah, YSKL telah mengadakan program khas bersempena Hari Raya Aidiladha dimana kesemua pelajar muslim di bawa ke masjid berdekatan untuk menuaikan solat sunat Aidiladha dan selepas itu, menjamu selera dengan hidangan seperti ketupat, rendang, lemang dan sebagainya di mana sedikit sebanyak ia mengubat rasa rindu mereka kepada kampung halaman.

Memandangkan peperiksaan akhir tahun serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang semakin dekat, pihak YSKL juga menyediakan kemudahan tempat belajar yang selesa beserta talian internet berkelajuan tinggi bagi memudahkan pelajar membuat ulang kaji mereka. Para pelajar juga meluangkan masa mereka dengan melakukan aktiviti riadah seperti bersukan di premis YSKL dan Tasik Ampang Hilir yang berhampiran dengan YSKL.



Para pelajar diberi ruang secukupnya sedang membuat kerja rumah dan belajar.



Pada majlis penutupan tersebut yang telah disempurnakan oleh Puan Suryani Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Korporat) mewakili Pengarah, beliau telah memberikan amanat kepada para pelajar mengenai betapa pentingnya pendedahan pembangunan sahsiah diri di usia muda untuk mendepani cabaran masa akan datang serta memastikan bahawa kebajikan para pelajar sepanjang mereka menjadi pelajar tajaan Yayasan Sarawak di bawah Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak (Zon Semenanjung Malaysia) senantiasa diambil berat.

Menurut pelajar etnik Lun Bawang, Elda Saran Balan, 13 tahun daripada Sekolah Sains Seri Puteri (SESERI) Kuala Lumpur, beliau berasa amat seronok kerana berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada peserta dan pada masa yang sama, pelbagai aktiviti berfaedah juga dijalankan.



Untuk pelajar Richelle Joyce Raymond, 13 tahun daripada Pusat PERMATApintar Negara, beliau merasakan intipati program yang diaturkan amat bersesuaian dengan keperluan pelajar yang memerlukan cara pembelajaran yang santai dan pada masa yang sama memberikan

lebih banyak input melalui pendekatan hands-on yang diberikan di mana pelajar Mohamad Ikhwan bin Sauffi yang bersekolah di Tingkatan 5 MRSM Tun Ghafar Baba, Melaka juga bersepakat dengan beliau.



Perkara yang sama juga turut dilontarkan oleh pelajar Tingkatan 5 Kolej Tunku Kurshiah, Hafizah binti Norazam yang mengatakan bahawa intipati program yang dilaksanakan harus dijadikan sebagai landasan kerana menarik perhatian beliau serta rakan-rakan untuk teruja menyertai PPPYS bagi siri akan datang. Mohammad Haaiqal bin Mohammad Basare yang berada pada Tingkatan 1 di SMK Tengku Indra Petra, Gua Musang merasa tidak sabar bagi PPPYS untuk dianjurkan lagi pada masa hadapan.



Para ibu bapa pula memberikan maklum balas positif mengenai penganjuran serta intipati program tersebut di mana anak-anak mereka berpeluang untuk memanfaatkan cuti mereka dengan perkara berfaedah selain tidak mengendahkan pelajaran mereka sepanjang aktiviti berlangsung.

Menurut Puan Selehab Mawi yang merupakan ibu Muhammad Iqbal bin Ishak di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, beliau berterima kasih kepada Yayasan Sarawak kerana sentiasa menjaga kebajikan anak beliau dan para pelajar Sarawak secara amnya sepanjang program tersebut berlangsung.

Nada yang sama juga dikongsi oleh ibu Mohd Haziq Aiman bin Mohd Faizal yang bersekolah di Tingkatan 5 Kolej Maktab Kuala Kangsar (MCKK) di mana Puan Noriah Fatimah binti Mohammed Yussuf amat berpuas hati di atas tenaga, khidmat dan bakti yang dicurahkan oleh para warga kerja YSKL. Beliau memaklumkan bahawa pelajar telah memilih untuk berada di dalam program tersebut di mana ia telah digambarkan melalui perasaan anak mereka yang teruja dan seronok sepanjang program berlangsung.





Gambar kenangan pegawai Yayasan Sarawak & Tabung Baitulmal Sarawak bersama para pelajar Sarawak di UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia.

YAYASAN SARAWAK DAN TABUNG BAITULMAL SARAWAK

Melawat Pelajar Sarawak di Indonesia

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

BANDUNG INDONESIA, 23-30 September 2018 - Yayasan Sarawak dan Tabung Baitulmal Sarawak telah mengadakan sesi dialog dan pertemuan dengan para mahasiswa Sarawak yang menuntut di universiti di Surabaya, Malang dan Bandung menerusi jadual kerja selama enam hari.

Jadual kerja tersebut yang diketuai oleh Puan Eliza Fazliyatun Alias, Penolong Pengarah Seksyen Program dan Bantuan Yayasan Sarawak serta di pihak Tabung Baitulmal Sarawak pula diketuai oleh Encik Mohamat Shukri bin Samor, Ketua Bahagian Agihan dan juga disertai oleh beberapa warga kerja Yayasan Sarawak



dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Terdapat kira-kira seramai 250 lebih orang pelajar Sarawak yang kini sedang menuntut di universiti-universiti Indonesia merangkumi pelbagai jurusan daripada perubatan, pergigian, syariah dan Pengajian Islam. Bagi pelajar Bibiana Chin Tae Ning yang kini menuntut pengajian perubatan di Universitas Brawijaya, program bersama pelajar

Sarawak amat berguna bagi mereka untuk berpeluang mengetahui skim-skim yang ditawarkan terutamanya oleh Yayasan Sarawak.

Menurut beliau lagi, walaupun kursus atau program pengajian di Indonesia adalah rendah namun beliau berharap agar beban terutamanya kos yuran pengajian boleh dikurangkan menerusi pembentukan dana oleh Yayasan Sarawak.

Bagi pelajar Nur Ainina binti Mos yang menuntut di UIN Sunan Ampel yang menerima bantuan daripada pinjaman pelajaran Yayasan Sarawak serta TBS, beliau menasihatkan agar para pelajar Sarawak yang menerima faedah sebegini agar menguruskan perbelanjaan mereka dengan berhemah. Tambahan beliau, wang yang diterima daripada Yayasan Sarawak dan TBS adalah amanah rakyat dan adalah tanggungjawab para pelajar bagi memastikan amanah itu tidak disia-siakan.



Berkongsi sama pandangan dengan beliau adalah Syariff Muzaffar Al-Qadri bin Wan Habib yang juga menuntut di UIN Sunan Ampel menegaskan bahawa kemudahan-kemudahan pembentukan yang diterima bagi anak-anak Sarawak seperti beliau agar jangan disia-siakan.



Majlis Perasmian Persatuan Pelajar Sarawak di Indonesia (PPSI) oleh Ketua Pegawai Yayasan Sarawak Kuala Lumpur, Encik Muhamad Rahman bin Sallehin.



Sesi Perjumpaan & Dialog II bersama pelajar Sarawak di UIN Maulana Malik Ibrahim, Malang, Indonesia.



Menerima cenderamata kenangan daripada wakil institusi UIN Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia.



Pegawai Yayasan Sarawak diketuai Puan Eliza Fazliyaton Alias & pihak Tabung Baitulmal Sarawak dalam sesi dialog & penerangan kepada para pelajar.

Beliau juga melahirkan rasa syukur kerana kesudian Yayasan Sarawak memberikan pinjaman pelajaran kepada beliau yang memadai untuk mencukupkan keperluan beliau di Indonesia.



Pada masa yang sama, pelajar Nur Amira binti Wahab yang meneruskan pengajian di UIN Maulana Malik Ibrahim merasakan bahawa pihak Yayasan Sarawak, TBS dan badan-badan serta agensi penaja yang lain di bawah Kerajaan Negeri Sarawak harus meneruskan platform perjumpaan bersama pelajar secara langsung supaya para pelajar Sarawak mendapat maklumat yang lebih mendalam mengenai bantuan-bantuan yang ditawarkan.

Beliau percaya pendekatan secara langsung ini dapat menyematkan dan menerapkan sikap tanggungjawab dan kesedaran terhadap pelajar Sarawak di luar negara yang mana Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa mengambil berat akan keberadaan dan hal ehwal serta kebijakan mereka secara amnya.

Pada jadual kerja itu juga, Persatuan Pelajar Sarawak di Indonesia (PPSI) juga dirasmikan oleh para delegasi. Fungsi PPSI adalah bagi menghubungkan secara erat para pelajar Sarawak terutamanya yang mengambil pengajian di Jakarta dan Bandung terutamanya bagi pelajar baru.

Bagi mengetahui mengenai Skim Pinjaman Pelajaran (Luar Negara) Yayasan Sarawak, orang ramai boleh menghubungi Encik Yanstika bin Mahmud, Penolong Pengarah Seksyen Pembiayaan Pendidikan di talian 082-441686 dan bagi kemudahan TBS pula boleh menghubungi talian 082-682861.



Sesi Perjumpaan & Dialog I bersama pelajar Sarawak di UIN Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia.



Para penerima bantuan bergambar kenangan bersama Pengarah Yayasan Sarawak dan Pengarah Pusat PERMATApintar Negara.

Bantuan sumbangan komputer riba kepada **PELAJAR YAYASAN SARAWAK DI PUSAT PERMATAPINTAR NEGARA**

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

KUALA LUMPUR, 20 September 2018 - Yayasan Sarawak menerusi Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) telah menyerahkan bantuan berbentuk sumbangan komputer riba kepada lima orang pelajar tajaan Yayasan Sarawak di bawah Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak (Zon Semenanjung Malaysia) yang kini mengikuti pengajian di Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Lima orang pelajar tersebut terpilih melalui saranan Pusat PERMATApintar Negara di mana sumbangan komputer riba amat membantu dalam sesi pembelajaran, pengajaran serta ulang kaji di mana mereka perlu mengakses pelbagai sumber ilmiah para ilmuan di seluruh dunia.

Bagi pelajar Richelle Joyce Raymond, 13 tahun yang berasal daripada Miri, beliau amat menghargai sumbangan tersebut kerana ia amat memudahkan beliau dalam menyiapkan kajian serta Thesis di mana penggunaan akses maklumat adalah amat penting bagi menghasilkan kerja yang berkualiti.

Pandangan yang serupa juga dilontarkan oleh Dayang Sofea Maisara binti Awang Kamarudin, 13 tahun daripada Kota Samarahan di mana dengan bantuan ini, ia sedikit sebanyak melegakan hati ibu bapa beliau yang bekerja sebagai guru di SMK Asajaya.

Untuk Alzam Zareef bin Ja'afar, 13 tahun daripada Mukah beliau akan memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang disumbangkan oleh Yayasan Sarawak dan tidak akan sesekali menyalahkan bantuan yang diberikan. Manakala untuk pelajar Awangku Mohammad Daniel bin Abdullah, 13 tahun daripada Limbang beliau berpandangan bahawa kemudahan bantuan yang disumbangkan oleh Yayasan Sarawak merupakan satu keistimewaan bagi mereka

di mana mereka beriltizam untuk menjadi pelajar berprestasi tinggi dengan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti.

Penyerahan bantuan sumbangan disampaikan oleh Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang ditemani oleh Encik Muhamad Rahman bin Sallehin yang merupakan Ketua Pegawai YSKL yang disertai oleh warga kerja YSKL, Encik Jamaluddin Abd Aziz serta Encik Salleh bin Hassan sambil disaksikan oleh Pengarah Pusat PERMATApintar Negara, Prof. Dato Dr. Noriah binti Mohd Ishak dan serta tenaga pengajar Puan Jamaliah binti Hamdan.

Biasiswa Program Pertukaran Pelajar merupakan salah satu skim di bawah Yayasan Sarawak yang menaja para pelajar Sarawak yang ditawarkan tempat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Sukan Semenanjung Malaysia serta Pusat PermataPINTAR Negara.



Pengurusan Yayasan Sarawak mengadakan sesi perjumpaan bersama para pelajar dan turut disertai Prof. Dato Dr. Noriah binti Mohd Ishak.



Kanak-kanak dan warga Taska Tadika meragakan pakaian-pakaian kebudayaan.

Sambutan Hari Budaya **TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG**

OLEH: Siti Noorlis Hassan

Bagi memupuk rasa sayang anak kecil kepada budaya unik dan kepelbagaiannya kaum di Sarawak, satu sambutan Hari Budaya telah diadakan pada 4 September 2018 yang lepas di Taska Tadika Yayasanku Sayang.

Pelbagai aspek telah disentuh untuk kanak-kanak mengenali negara sendiri, selangkah demi selangkah. Jika mahu diungkap sejarah negara, terlalu banyak perlu dihuraikan. Untuk anak kecil, kami mulakan dengan ilmu dan langkah yang kecil dahulu. Kanak-kanak telah didedahkan dengan pakaian tradisional setiap kaum seperti baju kurung, cheongsam, sari dan banyak lagi. Lelaki pula dengan baju Melayu, siap dengan sampin penambah seri.

Antara yang menarik untuk diperkenalkan kepada anak-anak adalah permainan tradisional Malaysia. Permainan lama penuh dengan gaya dan ilmu yang tersirat di dalamnya. Orang lama juga sangat kreatif dalam mencipta permainan minda bertaraf dunia. Mereka hanya menggunakan bahan terpakai sedia ada. Permainan seperti lompat getah, baling selipar, tarik upih, tarik tali, tengteng, batu seremban dan banyak lagi, telah disediakan untuk kanak-kanak mencuba sendiri semasa program Hari Budaya.

Selain permainan dan pakaian, makanan antara suatu perkara yang mudah menarik minat anak kecil untuk belajar. Jika mahu disenaraikan makanan tradisional Malaysia, cukup banyak sekali. Kuih muih sahaja mungkin beratus menu yang kita ada. Kuih tradisional lama dan baru aneka bentuk dan rasanya. Itu belum dibahagikan mengikut kuih keistimewaan negeri yang ada seperti nasi lemak, nasi dagang, nasi kerabu, nasi tumpang dan sebagainya. Malaysia ini kaya dengan makanan, alhamdulillah. Itu sebab, rakyat negara kita sihat-sihat dan comel-comel orangnya.



Para ibu bapa turut menjamu selera bersama dengan kanak-kanak.



Kanak-Kanak serta warga Taska Tadika merakam kenangan bersama tetamu kehormat.

Ramah Tamah GawaiRaya di **TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG** M E R I A H

OLEH: Siti Noorlis Hassan

Ibu bapa dan kanak-kanak taska tadika telah meraikan Ramah Tamah GawaiRaya pada 4 Julai 2018 bertempat di Taska Tadika Yayasanku Sayang. Pelbagai juadah GawaiRaya telah dihidangkan yang disumbang oleh ibu bapa. Majlis telah diserikan lagi dengan kehadiran Isteri Pengarah Yayasan Sarawak, iaitu Puan Hajah Normawati binti Haji Ismailly Yakub yang turut sama memeriahkan sambutan GawaiRaya kali ini.

Galeri Foto



YAB Ketua Menteri mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak Ke 124 di Pejabat Ketua Menteri, Dewan Undangan Negeri Sarawak.



9 Julai 2018 - Lawatan Kerja Yayasan Mendaki Singapura ke Yayasan Sarawak bersama Encik Ellen @ Manium anak Engang Timbalan Pengarah Khidmat Bantuan Pendidikan.



27 September 2018 - Majlis Penyerahan Piala Pusingan Raja Sungai Batang Kayan kepada Pengurus Pasukan Encik Mohamad Adzlie bin Ibrahim yang disaksikan oleh YBrs Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak.



10 Julai - 14 Ogos 2018 - Warga Yayasan Sarawak hadiri Kursus English for Workplace Communication dengan kerjasama UITM Cawangan Sarawak di Pusat Sumber Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Kuching.



27 Julai 2018 - Ucapan Hari Jadi & Selamat Persaraan daripada Pengurusan kepada Puan Rakayah Hj Madon, Mantan Pengarah Pendidikan Negeri merangkap Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak.



25-28 September 2018 - Sesi Temuduga Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib & Yayasan Biasiswa Sarawak Tun Abdul Rahman bagi Zon Semenanjung di Hotel Sri Pacific, Kuala Lumpur.



8-9 September 2018 - Tahniah! Pelajar Program Pertukaran Dinie Qairany binti Muhammad Fadzril Nur Irawan bersama pasukan sekolah Pusat PERMATApintar Negara memenangi pingat Emas di IIUM Robotic Competition.



22 September 2018 - Tahniah! Pelajar Program Pertukaran Nur Wazini bin Bolhan bersama rakan sepasukan dari SMK Agama Persekutuan Kajang terima Anugerah Gangsa di International Young Inventors Award (IYIA 2018) di Bali, Indonesia.



30 Ogos 2018 - Kaunter Penerangan Yayasan Sarawak bersempena dengan Pameran Karnival Bulan Kebangsaan anjuran PIBG SMK Hajah Laila Taib, Asajaya, Samarahan.



11 Ogos 2018 - Kaunter Penerangan Yayasan Sarawak bersempena dengan Karnival Kerjaya & Halatuju Pendidikan di SMK Agama Tun Ahmad Zaidi (TUNAZ), Kuching.



18-19 September 2018 - Warga kerja hadiri Kursus Komunikasi Berkesan bertempat di M Hotel, Kuching.



18-19 September 2018 - Staf Juruteknik hadiri Kursus Pertolongan Cemas & CPR bertempat di Malaysia Red Crescent Sarawak Branch Training Centre, Batu 3, Kuching.



18-19 Julai 2018 - Team Quality Yayasan Sarawak diberi latihan melalui Kursus Pengurusan Lean oleh MPC Sarawak di Pusat Sumber Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Kuching.



23 September 2018 - Ahli Kelab Yayasan Sarawak turut serta Program World Heart Day @Walk-A-Mile yang berlangsung di Saradise BDC, Stampin.



21 Julai 2018 - Kelab Yayasan Sarawak turut menyertai Maksak Unity 722 Challenge anjuran MAKSAK Wanita Sarawak yang berlangsung di Bangunan Dewan Undangan Negeri Lama, Petra Jaya, Kuching.



Yayasan Sarawak



Our Location



Student App



www.yayasansarawak.org.my

KUCHING • KUALA LUMPUR • LONDON • MESIR